

Polis siasat kegiatan kumpulan silat 'ghaib'

B. Harian (M)

- 7 JAN 1987

MANUK NEM
KUALA KANGSAR, Selasa — Polis sedang menyiasat satu kumpulan silat "ghaib" yang bergerak cergas menjalankan kegiatan menyebarkan ajarannya di Kampung Seberang Manong, dekat sini, sejak setahun lalu.

Jurucakap polis di sini mengesahkan menerima aduan daripada penduduk kampung mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, tiada sebarang tangkapan dibuat tetapi polis pernah menyoal beberapa ahli kumpulan itu dan gagal mendapatkan bukti yang mereka menjalankan kegiatan itu.

Guru kumpulan itu yang berpusat di kampung berkenaan dikatakan mempunyai ramai pengikut daripada golongan belia dan orang tua.

Bagaimanapun, perjumpaan kumpulan itu sukar dikesan kerana mereka mengadakan latihan silat secara sulit pada waktu malam.

Sumber-sumber itu berkata, setiap murid yang bermain silat itu

tidak sedarkan diri seolah-olah berada di dunia lain.

Mereka terpaksa dipulihkan oleh guru mereka dengan membaca pelbagai jampi serapah, menurut sumber-sumber itu.

Beberapa penduduk kampung yang enggan nama mereka disiarkan, mendakwa sebilangan ahli kumpulan itu tidak mahu bergaul dengan penduduk kampung yang tidak menyertai mereka.

Kadi Daerah, Haji Bokhari Harun, ketika dihubungi berkata pihaknya menyedari wujudnya kumpulan itu tetapi ia sukar dikesan.

Bagaimanapun langkah-langkah sedang diambil untuk menyiasat kerana dikhuatiri silat itu bertentangan dengan akidah Islam.

ANONIM NEM
Beliau percaya ketika mereka bersilat kemungkinan berlaku kejadian yang tidak diinginkan.

Katanya perkara itu sudah diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut.

10 JAN 1987
Kursus silat

BALAI Rakyat Taman Jurong, di Yung Sheng Road, akan menganjurkan satu kursus seni silat mulai 21 Januari ini.

Kelas itu akan diadakan dari 8 hingga 10 malam dengan bayaran \$3 bagi kanak-kanak dan \$6 untuk peserta dewasa.